

Peniaga mentarang digesa patuh arahan MDSB



Budiman (duduk, dua kanan) dan Awaluddin (duduk, tiga kanan) bersama ahli persatuan peniaga mentarang bergambar di Bilik Mesyuarat Anggerik MDSB.

SUNGAI BESAR - Peniaga mentarang di tepi jalan sekitar Sekinchan hingga Pasir Panjang diingatkan mematuhi syarat dan arahan yang ditetapkan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan tegas termasuk kompaun.

Setiausaha MDSB, Awaluddin Zakaria berkata, terdapat tiga alternatif jangka masa pendek yang perlu dipatuhi peniaga mentarang.

"Pertamanya, mereka mestilah berpindah ke tanah sendiri. Buatlah dan mohon lesen atau permit bangunan sementara di kawasan tanah tersebut (persendirian)," katanya kepada Sinar Harian.

Lebih 50 persatuan peniaga mentarang termasuk Ahli Parlimen Sungai Besar,

Budiman Mohd Zohdi mengadakan pertemuan bersama Awaluddin di Bilik Mesyuarat Anggerik MDSB, di sini.

Awaluddin menjelaskan, sekiranya peniaga mentarang tidak mempunyai tanah, mereka disyorkan menyewa dengan pemilik tanah dan seterusnya memohon lesen daripada MDSB.

"Jika masih tak ada tanah persendirian dan tempat sewa, mereka bolehlah memohon masuk ke pekan kecil yang dibenarkan MDSB untuk berniaga, tetapi dengan syarat selepas berniaga semua barangan perniagaan ini disimpan, dikemas dan dibawa balik.

"Saya berharap mereka dapat memahami dengan jelas bahawa sudah tiba masanya mereka ini mencari tem-

pat baru yang lebih sesuai. MDSB dah ada beberapa contoh peniaga mentarang seperti Faridah Mentarang yang telah pun mengikut syarat-syarat kita dan telah berjaya meluaskan perniagaannya," katanya.

Katanya, bagi jangka jangka masa panjang, MDSB memerlukan bantuan daripada kerajaan negeri atau Persekutuan untuk permohonan menempatkan peniaga di satu pusat henti-pengumpulan mentarang yang lebih strategik.

Sementara itu, Budiman berkata, perbincangan itu menjurus kepada dua isu iaitu berkaitan tindakan kompaun dan hala tuju peniaga mentarang berikutan kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5).